

BAHAGIAN B

[30 markah]

1 Dalam bahan di bawah, terdapat **dua kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin bahan itu semula.

(a)

Permainan tradisional hampir dilupakan oleh jenerasi hari ini kerana mereka lebih terdedah kepada alam siber dan permainan komputer. Permainan tradisional seharusnya dipertahankan agar khazanah ini tidak lenyap ditelan zaman.

(b)

Tahukah Anda Khasiat Halia?

Halia mempunyai banyak khasiat. Halia digunakan secara semulajadi untuk merawat demam dan selesema. Selain itu, halia dapat membantu:

- mencairkan kahak
- menurunkan paras gula
- menstabilkan tekanan darah
- meningkatkan sistem ketahanan tubuh

(a)

(b)

[2 markah]

2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Sederet kedai-kedai itu musnah dijilat api malam tadi.

(b) Ibu menghias sejambak bunga untuk diletakkan di ruang tamu.

[2 markah]